

0712

R 8973 A A B

MAHATHIR - PENTADBIR (EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 10.30 MALAM)

KUALA LUMPUR, 3 DIS (BERNAMA) -- TUMPUAN KERAJAAN UNTUK MENGADAKAN PERKHIDMATAN BERKUALITI DENGAN MENGGUNAKAN BILANGAN PEKERJA SEKECIL MUNGKIN TIOAK SEMESTINYA MENYEBABKAN PENGANGGURAN BERTAMBAH, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

PERDANA MENTERI BERKATA, PELUANG PEKERJAAN SEBALIKNYA AKAN MENINGKAT JIKA PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN SWASTA BERKEMBANG MAJU HASIL DARIPADA JENTERA PENTAOBIRAN KERAJAAN YANG LEBIH CEKAP.

POTENSI SWASTA UNTUK MENINGKATKAN BILANGAN PEKERJAAN ADALAH LEBIH BESAR DARIPADA KERAJAAN, DAN MEREKA JUGA LEBIH MAMPU MEMPERBAIKI TARAF HIDUP PEKERJA, KATANYA KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS MAKAN MALAM PERSATUAN PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK (PPTD) DI SINI, MALAM INI.

+KITA TIDAK MAHU MENGADAKAN JENTERA KERAJAAN YANG BESAR HANYA UNTUK MEMBERI PELUANG PEKERJAAN... PENAMBAHAN BILANGAN KAKITANGAN KERAJAAN MESTILAH KERANA TAMBAHAN (MEMANG) DIPERLUKAN, + KATANYA. BELIAU MENARIK PERHATIAN KEPADA CARA SOSIALIS MENGHADAPI MASALAH PERTUMBUHAN PENDUDUK DENGAN MENGADAKAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN TANPA MENGIRA SAMA ADA KERJA ITU PERLU ATAU TIDAK. -- LAGI  
1905MST 03 12 89

0713

R 8974 A A B

MAHATHIR - PENTADBIR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KERAJAAN SOSIALIS AKAN MENGAMBIL PEKERJA YANG BERLEBIHAN KE DALAM PENTAOBIRAN DAN PERUSAHAAN MILIK NEGARA, SERTA MEWUJUOKAN INDUSTRI TANPA MENGAMBIL KIRA UNTUNG RUGI, KATANYA.

+SEPERTIMANA YANG KITA LIHAT SEKARANG, NEGARA-NEGARA SOSIALIS DAN KOMUNIS AKHIRNYA MENJADI NEGARA-NEGARA YANG MISKIN, DAN RAKYAT MEREKA MENGALAMI KEHIDUPAN YANG TIDAK SELESA SEHINGGA MEREKA BANGUN MENENTANG SISTEM ITU, + KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU BERKATA KERAJAAN TIOAK INGIN MENJADIKAN PENDUDUK YANG KIAN BERTAMBAH DI NEGARA INI MISKIN DAN HIDUP DALAM KEADAAN KURANG SELESA, DAN BELIAU BERHARAP DASAR PERSYARIKATAN MALAYSIA DITERIMA BAIK DAN DIAMALKAN BERSUNGGUH-SUNGGUH.

BELIAU MENASIHATI PARA PEGAWAI BERKENAAN SUPAYA BERANI MENYOAL DAN MENGANALISA SISTEM-SISTEM YANG DIGUNAKAN UNTUK MEMPERTINGKAT KUALITI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN.

+KITA HARUS JUJUR MENILAI PRESTASI KITA DAN MENGENAL PASTI KELEMAHAN-KELEMAHAN O A N PENDEKATAN YANG HARUS DIBAIKI ATAU DITUKAR SAMA SEKALI, + KATANYA. -- LAGI

1907MST 03 12 89

R 8975 A A B

MAHATHIR - PENTADBIR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA TAMADUN MANUSIA TIOAK BEKU, SEBALIKNYA BERUBAH SEPANJANG MASA.

DISEBABKAN PERLU MENGUBAH SUAI PENDEKATAN OALAM KEAOAN YANG BERUBAH-UBAH ITULAH, KERAJAAN TELAH MENCIPTA DAN MELAKSANAKAN PELBAGAI D A S A R DAN PENDEKATAN SEPERTI DASAR PANDANG KE TIMUR, PERSYARIKATAN MALAYSIA, PENSWASTAAN, PERAKAMAN WAKTU BEKERJA, DAN LAIN-LAIN, KATA BELIAU.

+MUNGKIN OASAR-DASAR DAN PENDEKATAN-PENDEKATAN INI MEMPUYAI KELEMAHAN-KELEMAHAN, TETAPI KITA HARUS MENCUBANYA DAHULU DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH SEBELUM KITA MEMBUAT KEPUTUSAN YANG IA TIOAK BAIK, + KATANYA.

+TETAPI JIKA AKHIRNYA SESUATU PERUBAHAN ITU JELAS MENUNJUKKAN IA TIDAK BAIK, KITA TIDAK HARUS MALU MENYATAKANNYA, DAN KITA (HARUS) BALIK KEPADA AMALAN YANG ASAL ATAU KITA MENCUBA PENDEKATAN YANG LAIN PULA, + KATANYA. -- BERNAMA  
1908MST 03 12 89